

KENYATAAN MEDIA

JELAJAH MERDEKA SWM ENVIRONMENT BAWA MESEJ CINTAKAN ALAM SEKITAR

MELAKA – SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada tahun ini melalui penganjuran Jelajah Merdeka 2022 buat julung kalinya di tujuh lokasi terpilih di seluruh negeri Melaka.

Jelajah ini akan diadakan selama tiga hari iaitu pada 18 Ogos, 23 Ogos dan 3 September yang bertujuan menyuburkan nilai patriotisme dan semangat kemerdekaan di samping memupuk semangat cintakan alam sekitar dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Tuan Haji Mohd Norlisam bin Mohd Nordin berkata, Siri Jelajah Merdeka 2022 merupakan inisiatif pihak syarikat dalam membawa mesej kesedaran mengenai penjagaan kebersihan dan pemeliharaan alam sekitar sebagai sebahagian elemen bagi menzahirkan rasa kecintaan dan patriotik terhadap negara.

“Sempena Hari Kebangsaan ke-65 tahun ini, marilah kita menerapkan semangat tema ‘Keluarga Malaysia Teguh Bersama’ dengan menjadikan amalan menjaga kebersihan dan memelihara alam sekitar sebagai salah satu tanggungjawab bersama kepada negara.” katanya.

Jelasnya lagi, sebagai rakyat Malaysia, kita memikul amanah yang besar untuk mewariskan negara ini kepada generasi akan datang dalam keadaan baik dan bersih tanpa pencemaran. Setiap masyarakat perlu bersama-sama memerdekakan diri daripada terus ‘dijajah’ oleh sikap tidak peduli terhadap kebersihan seperti tabiat buruk membuang sampah merata-rata.

“Selepas enam dekad Malaysia mengecap nikmat kemerdekaan, sudah tiba masanya kita membentuk minda kelas pertama dengan mengamalkan pengurusan sisa pepejal secara berhemah, mengamalkan pengasingan sisa di punca dan menjadikan aktiviti 3R sebagai budaya baru dalam kehidupan seharian,” katanya lagi.

Tujuh lokasi yang menjadi persinggahan SWM Environment di dalam siri jelajah ini ialah SMK Munshi Abdullah, Universiti Melaka (UNIMEL), Menara Tenaga Nasional Berhad (TNB) MITC Ayer Keroh, pejabat Melaka Hari Ini (MHI), Farmasi Remedi Jasin, Taman Bukit Larang Indah dan kawasan pelancongan di sekitar Banda Hilir.

Antara pengisian yang telah dirangka ialah ceramah kemerdekaan, taklimat kesedaran alam sekitar, pelantikan pasukan 3R Rangers, kutipan barangan kitar semula, pendaftaran ahli KITARecycle, penyerahan plak Rakan Aktif KITARecycle, sesi plogging serta edaran Jalur Gemilang.

-TAMAT-



MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Apple Store* dan *Google Play Store*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Puan Noor Che Wah Binti Ramli

Eksekutif Kanan

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Melaka)

Tel : 06 – 3350191 / 012 – 385 1436

E-mel : wah.ramli@swmsb.com